

**MAJLIS PERASMIAN FASILITI PENGILANGAN INSULIN DAN VAKSIN
PHARMANIAGA BERHAD**

19 September 2024

1. Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita bersama-sama diberikan kesempatan untuk hadir dan menyempurnakan **MAJLIS PERASMIAN FASILITI PENGILANGAN INSULIN DAN VAKSIN PHARMANIAGA** pada pagi ini.
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Pharmaniaga Berhad yang merupakan anak syarikat Boustead Holdings Berhad dan juga syarikat pelaburan di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera LTAT atas pencapaian yang bersejarah ini.
3. **Saya pastinya berbangga berada di sini. Ini kerana, kejayaan Pharmaniaga adalah kejayaan Boustead dan LTAT. Dan kejayaan Boustead dan LTAT adalah kejayaan buat MINDEF serta kita semua.**
4. Lebih penting, kejayaan pembukaan fasiliti ini adalah sejajar dengan komitmen LTAT di bawah kerangka Ekonomi MADANI, yang mahukan kita meningkatkan daya cipta dan nilai industri farmaseutikal Malaysia khususnya dalam penghasilan produk biofarmaseutikal tempatan.
5. Jadi, pembukaan dan operasi fasiliti biofarmaseutikal yang berteknologi tinggi ini bukan sahaja mencatat sejarah sebagai syarikat tempatan pertama untuk mengilangkan insulin dan vaksin, malah akan membantu memperkuuh keterjaminan bekalan ubat-ubatan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

6. Dunia hari ini menyaksikan cabaran datang bukan sahaja dalam pelbagai bentuk. Namun pada waktu yang tidak dapat dijangka dengan skala yang besar dan sangat memusnahkan.
7. Keadaan ini menuntut kita untuk sentiasa bersedia dengan segala kemungkinan.
8. Dalam konteks pertahanan negara dan kesejahteraan masyarakat, selain kesiagaan pasukan beruniform seperti Angkatan Tentera Malaysia atau Polis Diraja Malaysia, saya melihat perihal keterjaminan bekalan ubat-

ubatan untuk rakyat, termasuk vaksin dan insulin adalah antara perkara kritikal yang tidak boleh dipandang ringan sama sekal.

9. Lihat sahaja keadaannya beberapa tahun yang lalu. Saya percaya pandemik COVID-19 yang melanda telah meninggalkan kesan dan ingatan yang tidak akan terpadam dalam sejarah.
10. Pada peringkat awal pandemik, kita sangat bergantung kepada syarikat-syarikat asing untuk membangun dan membekalkan vaksin COVID-19.
11. Kita menjadi penunggu dan pengguna. Kita sekadar mendengar dan mengikut sahaja. Kita berada pada kedudukan yang seolah-olah terpaksa meraih simpati dan belas ihsan negara barat.
12. Sedangkan kita tahu dan sedar, mereka yang menjadi penghasil dan pembekal utama vaksin ini kebanyakannya sangat politikal serta banyak yang suka menangguk di air keruh.
13. Alhamdulillah, dalam segala kesempitan dan kesempatan itu, Pharmaniaga berjaya tampil sebagai antara institusi negara kita yang telah memainkan peranan aktif.
14. Antaranya dengan bersama-sama membantu mempercepat program vaksinasi rakyat dengan menyediakan 20.4 juta dos vaksin COVID-19 Sinovac, yang sebahagian besarnya dikeluarkan di kilang Pharmaniaga LifeScience ini.
15. Pengalaman tersebut memberi pengajaran besar, bahawa kita mesti serius dalam membangunkan kekuatan serta keupayaan negara dalam bidang kritikal seperti farmaseutikal.
16. Jadi, apabila pihak Pharmaniaga memutuskan untuk mengembangkan keupayaan kilang ini sehingga ke tahap bertaraf antarabangsa seperti sekarang, sudah tentulah ia merupakan satu bentuk perkembangan yang membanggakan kita semua.
17. Akan tetapi, kepentingan dan keperluan fasiliti ini tidak boleh hanya dilihat dalam konteks pandemik global atau penyakit berjangkit semata-mata.
18. Sebaliknya, fungsi dan cakupannya adalah jauh lebih besar dan meluas.
19. Misalnya, penghasilan insulin bagi kegunaan pesakit diabetes.

20. Pada tahun 2021, terdapat kira-kira 4.4 juta rakyat Malaysia yang menghidap diabetes. Dan mereka memerlukan sejumlah 24.7 juta dos insulin setiap tahun.
21. Lebih teruk, dianggarkan bilangan pesakit akan terus bertambah sehingga mencecah 5 juta orang menjelang tahun 2030.¹
22. Unjuran ini sekali lagi menjadi asas dan faktor pendesak yang penting agar negara mempunyai keterjaminan bekalan insulin yang mencukupi bagi menampung kegunaan sekarang dan keperluan pada masa depan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

23. Usaha yang dilakukan oleh Pharmaniaga ini adalah suatu pelaburan yang besar, dengan perbelanjaan ratusan jutaan ringgit.
24. Sehubungan itu, menjadi **harapan saya agar Pharmaniaga memberi perhatian untuk memastikan segala produk dan perkhidmatannya ini mendapat permintaan, sokongan serta penerimaan yang baik di dalam dan luar negara.**
25. **Standard, kualiti dan keselamatan produk mesti berada pada tahap terbaik.**
26. Pharmaniaga tidak boleh sekadar mengharapkan sokongan daripada Kerajaan.
27. Ia mesti menyerlahkan keupayaannya dengan menerobos dan menguasai pasaran yang lebih besar dengan pelbagai strategik perniagaan yang lebih proaktif dan inovatif.
28. Saya percaya, produk yang baik akan dapat menarik perhatian semua pihak.
29. Apatah lagi, di peringkat global, inovasi produk biofarmaseutikal untuk pelbagai jenis rawatan penyakit yang kritikal termasuk kanser, keceluhan genetik, penyakit autoimun dan lain-lain sedang rancak dijalankan serta sedang berkembang dengan pantas.

¹ <https://www.diabetesatlas.org/data/en/country/120/my.html>

30. Jadi, Pharmaniaga mesti menjadi wakil Malaysia untuk bersama-sama meneroka dan menguasai perkembangan teknologi biofarmaseutikal.

Hadirin dan hadirat sekalian,

31. Secara ringkasnya, saya tegaskan bahawa matlamat kita sangat jelas.
32. **Pertama, kita mahu memastikan keterjaminan bekalan ubat-ubatan atau vaksin bagi menampung keperluan dalam negara.**
33. Selain dapat mengoptimumkan kecekapan perbelanjaan Kerajaan untuk sektor kesihatan, keupayaan menghasilkan vaksin dan insulin sendiri dapat menguatkan keterjaminan bekalan ubat-ubatan atau *medical security* untuk rakyat negara ini.
34. **Kedua, kita mahu mengurangkan pergantungan kepada ubat-ubatan yang diimport.**
35. Ini sekali gus membebaskan kita daripada terperangkap dengan pelbagai eksloitasi oleh pemain-pemain utama di peringkat global.
36. Usaha ini sekali gus dapat memenuhi aspirasi Halatuju Pelan Pembangunan Vaksin Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara pengeluar vaksin menjelang 2030.
37. **Ketiga dan paling penting, ini semua adalah sebahagian daripada proses kita memastikan setiap satu entiti di dalam ekosistem pertahanan negara berprestasi tinggi dan memberikan pulangan yang baik.**
38. Pulangan yang baik bukan sahaja kepada negara secara umum. Tetapi kepada ekosistem pertahanan secara khusus.
39. Ini kerana, kejayaan Pharmaniaga akan membolehkan LTAT menerima keuntungan. Perkara ini seterusnya akan menyumbang kepada kelangsungan dividen yang baik kepada para pencarumnya iaitu anggota ATM.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati sekalian.

40. Sebelum berakhir, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada

semua pihak yang telah bersama-sama membantu perjalanan Pharmaniaga sehingga ke tahap ini.

41. Khususnya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang memberi sokongan berterusan kepada usaha pembangunan vaksin tempatan oleh Pharmaniaga.
42. Kepada kakitangan Pharmaniaga, ingatlah walaupun pakaian seragam saudara dan saudari semua mungkin berbeza daripada mereka yang berjuang di perbatasan, namun usaha dan tugas di kilang ini adalah sangat kritikal dalam menjaga keselamatan negara.
39. Fasiliti ini terbina dengan harapan yang tinggi. Berilah yang terbaik. Terima kasih saya ucapkan atas segala komitmen dan sumbangan yang diberikan selama ini.
40. Berbekalkan doa agar fasiliti ini diberikan keberkatan dan kejayaan yang berpanjangan, dan dengan lafadz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **“FASILITI PENGILANGAN INSULIN DAN VAKSIN PHARMANIAGA”**.
41. Sekian, Wabillahhitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
42. Terima kasih.